

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Wednesday, April 4, 2018 11:27 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: PELAJAR MOBILITI UUM COLGIS "VISIT KEDAH TUA"



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

"MUAFAKAT KEDAH"

4 APRIL 2018 / 17 REJAB 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

PELAJAR MOBILITI UUM COLGIS "VISIT KEDAH TUA"



PPA UUM COLGIS ONLINE: Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA, UUM COLGIS) dengan kerjasama Persatuan Pengurusan Awam telah mengadakan program "Mobility Trip Visit Kedah Tua" pada 27 Mac 2018.

Program ini disertai oleh pelajar dari negara Indonesia, Jepun, China iaitu terdiri dari Universitas Dian Nuswantoro, Universitas Brawijaya, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), University of Tsukuba, Baise University, dan Xi'an University of

Science and Technology. Selain itu, pelajar praktikum dari Thailand iaitu Autchara Chumnankit dan Warissara Wisawaratree dari Thaksin University turut menyertai program ini.

Program ini bertujuan untuk mendedahkan kepada para pelajar mobiliti mengenai sejarah negeri Kedah dan memperkenalkan tempat-tempat menarik sekitar Kedah. Di samping itu, aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara para pelajar mobiliti. Mereka juga dapat berkenalan diantara satu sama lain serta dapat melakukan aktiviti riadah bersama-sama.

Pelajar mobiliti tersebut begitu teruja kerana dapat belajar mengenai sejarah Kerajaan Kedah Tua. Kedah Tua yang terletak di Lembah Bujang memainkan peranan sebagai pelabuhan entrepot sebelum munculnya Melaka. Hal ini membuktikan Kedah Tua merupakan kerajaan dan pelabuhan tertua di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Selepas melawat Muzium Arkeologi Lembah Bujang, pelajar juga dibawa ke Tapak Arkeologi Lembah Bujang untuk melihat dengan lebih dekat tapak warisan.

"Kita berasa beruntung sekali kerna dapat melawat ke Lembah Bujang serta mengetahui sejarah Kedah Tua dengan lebih mendalam," ujar Miraj Maghfirah, pelajar Indonesia dari UMY. Seterusnya pelajar dibawa melawat ke Masjid Zahir yang terletak di tengah-tengah bandar raya Alor Setar. "Kami harus memakai tudung untuk masuk ke dalam kawasan Masjid Zahir, ini merupakan pengalaman yang berharga buat kami" seloroh Warissara Wisawaratree, yang kelihatan begitu comel sekali bertudung. Akhir sekali pelajar mobiliti dibawa melawat ke Menara Alor Setar dan seterusnya pulang ke UUM.

Habis

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email :

colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS



Please consider the environment before printing this e-mail





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.